

9 April 2009 (Khamis)

Pertam kendali projek RM403j

Oleh Amirullah Andi Nur bhnews@bharian.com.my

PERBADANAN Kemajuan Tanah Adat Melaka (Pertam) memeterai perjanjian usaha sama dengan TM Facilities Sdn Bhd (TMF) untuk membangunkan 203 hektar tanah milik anak syarikat Kumpulan Telekom Malaysia Bhd (TM) itu di Bembam, Melaka membabitkan anggaran kos RM403.79 juta. Menerusi perjanjian itu, Pertam yang juga anak syarikat milik penuh kerajaan Melaka akan melaksanakan pembangunan bercampur di kawasan berkenaan merangkumi 600 lot kampung tersusun, 241 lot komersial, 1,378 lot kediaman dan dua institusi pengajian tinggi dalam tempoh 10 tahun.

Ketua Menteri Melaka merangkap Pengerusi Pertam, Datuk Seri Mohd Ali Rustam, berkata projek itu yang dijangka diberi nama Bandar Baru Jasin mampu memberi pulangan kira-kira RM7 juta setahun atau RM77 juta bagi tempoh 10 tahun kepada perbadanan itu. "Kumpulan TM pula bakal menerima pulangan RM64.61 juta atau 16 peratus daripada nilai pembangunan kasar (GDV) minimum tanah ini secara berperingkat selama 10 tahun," katanya selepas menyaksikan majlis pemeteraian perjanjian usaha sama itu di Seri Negeri, Ayer Keroh, Melaka, semalam.

Pada majlis itu, Pertam diwakili Timbalan Pengerusinya, Datuk As'ari Ibrahim dan Ketua Eksekutifnya, Mohd Nasser Selamat, manakala Kumpulan TM diwakili Pengerusi TMF merangkap Ketua Pegawai Operasi TM, Datuk Adnan Rofiee dan Naib Presiden Sokongan Perniagaan TM, Zam Ariffin Ismail. Ali Rustam berkata, Pembinaan projek pembangunan bercampur itu dijangka mampu meningkatkan tahap pembangunan di daerah Jasin yang kini masih agak ketinggalan berbanding dua lagi daerah di Melaka iaitu Melaka Tengah dan Alor Gajah.

10 April 2009 (Jumaat)

UTeM terima RM65 juta bangunkan infrastruktur di kampus induk

Oleh Badrul Hizar Ab Jabar bhizar@bharian.com.my

UNIVERSITI Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) menerima peruntukan sebanyak RM65 juta dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) untuk membangunkan tiga kemudahan fizikal dan infrastruktur di kampus induknya di Durian Tunggal, Alor Gajah. Naib Canselornya, Prof Dr

Ahmad Yusoff Hassan, berkata antara projek terbaru yang sedang dilaksanakan itu adalah membabitkan pembinaan bangunan dewan konvokesyen, kilang pembelajaran, masjid serta menaik taraf bangunan dan infrastruktur asas sedia ada. Katanya, ketiga-tiga projek itu yang dimulakan sejak tahun lalu, dijangka siap sepenuhnya antara dua hingga lima bulan dari sekarang iaitu membabitkan kilang pembelajaran pada Mei, manakala dewan konvokesyen dan masjid akhir September.

"Dewan bernilai RM20 juta ini boleh menampung lebih ramai pelajar terutama ketika konvokesyen yang bakal diadakan pertama kali di kampus baru ini pada 3 dan 4 Oktober. Dewan ini boleh memuatkan seramai 4,000 pelajar dan setakat ini kerja pembinaannya sudah 55 peratus siap. "Tentunya, selepas ini UTeM tidak perlu lagi menyewa bangunan lain untuk mengadakan majlis konvokesyen kerana ia membabitkan perbelanjaan besar," katanya selepas mengiringi Canselor UTeM, Tun Mohd Khalil Yaakob melawat tiga tapak projek berkenaan, kelmarin.

Program lawatan itu antara lain bertujuan menerangkan mengenai pelan pembangunan strategik dua tahun UTeM, termasuk ciri-ciri serta kelebihan yang terdapat pada universiti itu, berbanding universiti lain di negara ini. Sepanjang lawatan itu, Mohd Khalil turut memberikan beberapa cadangan kepada pengurusan kanan universiti terbabit, antaranya menyegerakan pembinaan kediaman pelajar, menambahbaik bangunan dan membina laluan bagi pelajar atau orang kurang upaya di kawasan dewan konvokesyen. Hadir sama Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi, Prof Madya Datuk Dr Abu Bakar Mohd Diah dan Pengarah Pembangunan dan Pengurusan Aset UTeM, Nooraida Attan.

Mengulas lanjut, Ahmad Yusoff berkata, pembinaan kilang pembelajaran bernilai RM30 juta itu akan menempatkan pelbagai mesin yang akan digunakan pelajar bersama industri dalam membangunkan sesuatu produk. "Kilang ini dibina bertujuan membolehkan pelajar UTeM bersama pihak industri dari luar bekerjasama untuk mencipta sesuatu produk terutama membabitkan bahan sektor perkilangan. Struktur lantai kilang ini turut dibina dengan kukuh, apabila berupaya menahan kekuatan sesebuah mesin yang ditempatkan sehingga 60 tan. "Masjid yang dibina bernilai RM15 juta pula boleh menempatkan seramai 4,000 pelajar termasuk kakitangan bertujuan memberikan keselesaan dan kemudahan kepada warga kampus yang beragama Islam menunaikan tanggungjawab mereka," katanya.

10 April 2009 (Jumaat)

Sabah&Sarawak: Syarikat dikesan pindah tanah bukit secara haram

Oleh Mohd Azrone Sarabatin azrone@bharian.com.my

DBKK sudah kenakan kompaun ke atas pihak terbabit

KOTA KINABALU: Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) mengesahkan ada syarikat dikesan mengambil dan memindahkan tanah bukit di Teluk Sepanggar di sini, secara haram. Jurutera DBKK (Bahagian Kerja-kerja Tanah Bandaraya), Lilitia Jenneh, berkata ada antara mereka yang sudah dikompaun mengikut Undang-undang Kecil Kerja Tanah 1987 kerana disabitkan kesalahan menarah bukit dan memusnahkan pokok, antaranya berhampiran pusat beli belah 1One Borneo, taman perumahan One Sulaman dan Alamesra berhampiran Jalan Sulaman, di sini. Katanya, kegiatan itu juga menyebabkan parit tertimbus di sekitar kawasan berkenaan sehingga berlaku banjir kilat terutama penempatan penduduk sekitar Jalan Sulaman.

"Mengikut undang-undang itu, setiap kesalahan dikompaun RM100 dan jumlah itu meningkat mengikut jumlah kertas kompaun dikeluarkan. "Syarikat atau individu yang terbabit kegiatan penarahan bukit perlu memiliki pelan kerja tanah yang dikeluarkan jurutera bertauliahan yang kemudian dihantar kepada DBKK untuk proses penilaian dan kelulusan," katanya kepada Berita Harian di sini, semalam. Lilitea juga berkata, pihaknya sentiasa melakukan pemantauan di semua kawasan penarahan bukit termasuk membuat pemeriksaan mengejut di tapak berkenaan. Katanya, ia bagi memastikan kegiatan pengambilan dan pemindahan tanah bukit tidak dilakukan sewenang-wenangnya.

Beliau berkata, ia bukan saja melanggar undang-undang, malah menyusahkan penduduk bandar raya. Rabu lalu, Jabatan Perlindungan Alam Sekitar Sabah (JPAS) mengesahkan kegiatan pengambilan dan pemindahan tanah bukit di kawasan diliputi tumbuhan asal boleh menyebabkan peningkatan julat suhu seperti berlaku di Teluk Sepanggar, dekat sini. Pengaruhnya, Yabi Yangkat, berkata kegiatan itu turut memberi kesan kepada ketidakseimbangan ekologi sehingga mendorong berlaku pemanasan luar biasa dan banjir kilat di kawasan berkenaan.

10 April 2009 (Jumaat)

Kontraktor gred G7 wajib ada sijil ISO 9001

SEMUA kontraktor gred G7 diwajibkan mendapatkan pensijilan ISO 9001 bermula 1 Julai ini, kata Pengerusi Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIBD), Tan Sri Datuk Jamilus Hussien. Beliau berkata, kegagalan berbuat demikian menyebabkan pendaftaran dengan CIBD terjejas dan gred diturunkan kepada Gred 6.

Kontraktor gred G7 adalah pemegang lesen kontraktor yang tidak ada had jumlah atau nilai projek yang boleh dilaksanakan. Kontraktor gred G6 pula hanya boleh menender projek bernilai di bawah RM10 juta. Berucap pada majlis penghargaan kepada 30 kontraktor yang memperoleh pensijilan ISO 9001, di Kota Kinabalu semalam, Jamilus berkata setakat ini hanya 1,299 kontraktor atau 32 peratus daripada kontraktor gred G7 yang telah memperoleh persijilan itu. Daripada jumlah itu, katanya 13 peratus memperolehnya melalui Skim DIY (Do-It Yourself) ISO 9001 CIDB.

"Teknologi canggih dan modal besar tidak semestinya boleh menjamin kejayaan sesuatu projek tanpa sistem pengurusan berkualiti, cekap dan berkesan. "Pengurusan berkualiti dan mampan adalah nadi kejayaan projek. Sebab itu, saya meminta lebih ramai kontraktor gred lain seperti G6, G5 dan G4 berusaha mendapatkan pensijilan ISO 9001. "Ia tidak mustahil kerana mengikut rekod CIDB, ada kontraktor bertaraf G2 mempunyai pensijilan ISO 9001," katanya.

Jamilus berkata, hasil kajian badan perunding kualiti dari Mumbai India iaitu Lakshy Management Consultants menunjukkan kontraktor yang mempunyai pensijilan ISO 9001 dapat meningkatkan 95 peratus masa penghantaran dan mengurangkan 30 peratus aduan pelanggan. Pensijilan ISO 9001 penting bagi sesebuah organisasi merancang dan menguruskan proses tertentu di dalam sistem pengurusan kualiti untuk membolehkan pencapaian peningkatan yang berterusan, katanya.

10 April 2009 (Jumaat)

Kementerian Kewangan lancar laman web pakej rangsangan ekonomi

KEMENTERIAN Kewangan semalam melancarkan laman web pakej rangsangan ekonomi yang membolehkan orang ramai mendapatkan butiran dan maklumat terbaru mengenai kedua-dua pakej rangsangan yang diumumkan baru-baru ini.

Laman web di www.rangsanganekonomi.treasury.gov.my menyediakan pecahan peruntukan oleh kementerian dan butiran lanjut mengenai setiap negeri. "Laman web itu akan memperincikan pengagihan dan ke mana wang itu akan disalurkan untuk pakej pertama dan kedua serta pelaksanaan projek," kata Ketua Eksekutif, unit pengurusan projek kementerian, Datuk Mohamad Othman Zainal Azim pada majlis pelancarannya di Putrajaya, semalam.

Beliau berkata, laman web itu turut menawarkan pecahan peruntukan berdasarkan kepada teras dan inisiatif strategik serta menyediakan wadah bagi mendapat-kan maklum balas dari orang ramai. Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak, dalam mesej ringkasnya di laman web itu berkata, "Rakyat Malaysia akan tahu dan boleh mengikuti pelaksanaan pelbagai inisiatif serta program yang telah dibentuk bagi menangani isu ekonomi yang tercetus dari kelembapan kewangan global."

Mohamad Othman menambah, laman web itu akan dikemas kini setiap minggu dan pertanyaan dari orang ramai akan dijawab. Setakat ini, sejumlah RM5.59 bilion telah diagihkan dan 23,543 projek bernilai RM1.75 bilion sedia untuk dilaksanakan. Menjelang akhir bulan ini, kesemua 38,000 projek di bawah pakej rangsangan pertama dijangka dilaksanakan. Untuk pakej kedua, projek berjumlah RM1.39 bilion telah diberikan. - Bernama

10 April 2009 (Jumaat)

Keberkesanan dasar alam sekitar dituntut

SELAIN kemelut ekonomi global dan percaturan politik tempatan, kerajaan pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak mempunyai senarai panjang dalam bidang pengurusan alam sekitar. Saya yakin Najib maklum hal ini kerana ketika menjadi Timbalan Perdana Menteri, beliau mempengerusikan pelbagai jawatan kuasa Kabinet berkaitan alam sekitar. Secara amnya, pada hemat saya, kerajaan pimpinan Najib menggalas empat cabaran alam sekitar yang utama, iaitu dasar alam sekitar lebih komprehensif dan efektif; penyediaan kemudahan asas pengurusan alam sekitar; kepakaran tempatan dan ekonomi karbon neutral.

Alam sekitar menjadi elemen pembangunan yang semakin penting ketika ini. Perbahasan mengenai alam sekitar melangkaui bidang saintifik dan kelompok pencinta alam. Hal ini begitu dirasakan dalam pelbagai isu termasuk dalam konteks pembangunan tempatan, merangkumi perancangan pembangunan fizikal, pengurusan sisa dan pengurusan tanah tinggi. Cabaran utama ialah dasar alam sekitar yang lebih komprehensif, efektif, telus dan tidak bertindan. Sebelum ini, banyak agensi ditugaskan merancang, melaksana dan memantau pelbagai aspek alam sekitar. Namun, kepelbagaiannya itu sering kali menyebabkan kegagalan dari segi keberkesanan dan impak sesuatu dasar.

Sebagai contoh, pengurusan lestari sumber air membabitkan sekurang-kurangnya tujuh jabatan, iaitu Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan Alam Sekitar (JAS), Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Jabatan Perkhidmatan Pembetungan (JPP), Jabatan Bekalan Air (JBA), pihak berkuasa tempatan (PBT) dan kerajaan negeri. Biarpun bidang kuasa dan tugas dikenal pasti, masih wujud kesukaran untuk merancang dan melaksanakan pelbagai dasar kerana secara idealnya pengurusan alam sekitar perlu bersifat holistik dan melangkaui sempadan geopolitik.

Menjadi harapan pencinta dan pakar alam sekitar, Najib dapat menyediakan kerangka lebih luwes dan berteraskan pencapaian, bukan lagi berasaskan bidang tugas dan pendekatan sektoral. Hal ini sesuai dengan dasar Najib seperti perutusan sempena penerimaan jawatan Perdana Menteri pada 3 April lalu, iaitu mengutamakan prestasi berpaksikan keutamaan rakyat. Cabaran kedua ialah penyediaan kemudahan asas pengurusan alam sekitar lebih sempurna, berasaskan prestasi dan lestari. Ketika ini kita memerlukan lebih banyak kemudahan seperti tapak pelupusan sampah, insinerator, loji rawatan air sisa dan bekalan air. Memang ketika ini kemudahan itu sudah tersedia tetapi masih banyak perlu dipertingkatkan dari segi kecekapan, faedah kos, impak dan pelestarian. Pastinya memerlukan belanja dan biaya tidak kecil.

Selain itu, cabaran seterusnya ialah pembangunan modal insan tempatan untuk mengemudi dan mewarnakan pembangunan dan pelestarian alam sekitar. Memang ketika ini profesional tempatan sudah memainkan peranan dalam merancang dan mengurus pelbagai kemudahan dan sistem. Namun demikian, saya dapat rasakan sehingga kini masih banyak aspek yang tidak bersandarkan kepada realiti, kesesuaian dan pembangunan harta intelek yang dibangunkan

anak tempatan. Kerajaan pimpinan Najib diharap dapat memberi kesempatan untuk menggunakan sekali gus menghargai inovasi tempatan. Cabaran keempat ialah komitmen terhadap pelestarian alam sekitar menerusi petunjuk tahap pelepasan karbon. Setiap aktiviti pembangunan menghasilkan karbon yang akhirnya menyebabkan peningkatan suhu bumi. Karbon dijadikan sandaran utama kerana sebahagian besar bahan yang menyumbang kepada peningkatan suhu bumi adalah sebatian karbon. Keadaan ideal ialah karbon negatif tetapi sukar untuk dicapai. Karbon neutral pula merujuk kepada aktiviti individu, keluarga atau organisasi yang menghasilkan jumlah pelepasan karbon sifar disebabkan jumlah penghasilan karbon dapat diserap oleh aktiviti atau sistem yang menyerap karbon.

Ketika ini ahli ekonomi dan ahli politik seluruh dunia masih membahaskan isu ‘ekonomi karbon neutral’ sebagai dasar dan kegiatan ekonomi berdasarkan karbon sifar walaupun krisis kewangan global semakin memenatkan. Tidak dinafikan karbon adalah natijah pelbagai aktiviti pembangunan, malah aktiviti santaian. Walaupun kita bersantaian, kita bernafas dan menghasilkan karbon dioksida. Demikian penggunaan enjin kenderaan menerusi pembakaran bahan api fosil. Dengan kata lain, penghasilan karbon adalah suatu proses tabii. Tetapi banyak aktiviti dan proses tabii yang menyerap karbon yang menjadikan karbon neutral di sesuatu kawasan seperti hutan dan sistem akuatik. Selain itu banyak aktiviti tidak menghasilkan karbon, atau dalam jumlah kecil seperti penjanaan tenaga menggunakan angin. Ekonomi karbon neutral membantu mengurangkan pelepasan karbon ke ruang atmosfera yang meningkatkan suhu bumi, menjadikan negara kita semakin bersih dan selamat. Pelbagai inisiatif karbon neutral juga dikenal pasti sebagai kaedah untuk mengurangkan kos, misalnya penjimatan tenaga dan guna semula sisa.

Negara membangun termasuk Malaysia yang menandatangani Protokol Kyoto boleh terbabit dalam Mekanisme Pembangunan Bersih dengan mendapat offset menerusi program pengurangan karbon dari negara maju. Selain itu, komitmen terhadap ekonomi karbon neutral juga mendorong kita untuk mengorak langkah membangunkan teknologi mesra alam yang memenuhi ciri-ciri karbon neutral seperti kereta hibrid hidrogen dan kincir angin.

Najib sudah pasti tidak mahu ketinggalan untuk merangka pelan dan strategi bagi membangunkan negara berdasarkan prinsip pelestarian. Kepada Najib dan Kabinet barunya yang diumumkan semalam, diucapkan selamat berkhidmat menakhoda zaman.

Prof Datuk Dr Zaini Ujang ialah Naib Canselor Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan anggota Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN)

11 April 2009 (Sabtu)

Hasil siasatan projek PKFZ bakal diumum

Oleh Magendran Rajagopal magendran@bharian.com.my

Terpulang kepada LPK dedah keputusan dokumen kes: Ong

KUALA LUMPUR: Hasil siasatan berhubung dakwaan berlaku penyelewengan membabitkan pelaburan bernilai RM4.6 bilion bagi projek Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ), akan diumumkan dalam masa terdekat oleh Lembaga Pelabuhan Klang (LPK). Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Ong Tee Keat, berkata beliau sudah diberi taklimat mengenai siasatan yang dilakukan firma perakaunan dan percuaian global, PricewaterhouseCoopers itu kelmarin tetapi terpulang kepada LPK mahu dedahkan hasil siasatan.

"Berlaku sedikit kelewatian untuk menyelesaikan siasatan kerana terpaksa menunggu pelepasan untuk beberapa dokumen yang diklasifikasikan sebagai rahsia tetapi kini semua dokumen berkenaan boleh didedahkan. "Isu ini tiada kaitan dengan kementerian saya atau Kabinet kerana yang arahkan PricewaterhouseCoopers membuat siasatan ialah LPK dan terpulang kepada mereka untuk mendedahkannya. "Walaupun saya sudah mendengar taklimat mereka, lebih baik saya tidak menyebelahi mana-mana pihak," katanya kepada pemberita selepas majlis pelancaran Rangkaian Perantis dan Sumber Teknikal (TRAiN) 2009, di sini semalam.

Program TRAiN anjuran bersama MCA dan Yayasan Pendidikan Bistari (YPB) itu bertujuan menggalakkan golongan remaja yang kurang mahir dari segi akademik supaya memilih daripada lebih 5,000 kursus vokasional yang ditawarkan. Kerajaan mengarahkan siasatan penuh terhadap projek PKFZ di Pulau Indah itu, berikutan dakwaan wujudnya penyelewangan dalam pelaksanaannya yang bernilai RM4.6 bilion, sekali gus menyebabkan projek itu gagal dan menjadi 'gajah putih'.

Pembangunan itu menimbulkan kontroversi apabila projek yang pada mulanya dikatakan hanya bernilai RM1.1 bilion meningkat kepada RM4.6 bilion serta dianugerah kepada sebuah syarikat tanpa melalui proses sepatutnya. Sebelum ini, spekulasi tersebar mengatakan bahawa bekas Menteri Pengangkutan, Tan Sri Chan Kong Choy terbabit dengan skandal berkenaan.

11 April 2009 (Sabtu)

Timur: 3,000 pengusaha tembakau rugi

Oleh Khairul Anuar Abdul Samad krull@bharian.com.my

BAT sedia peruntukan RM10j pulih tanaman rosak akibat banjir kilat

PASIR PUTEH: Hujan lebat selama tiga hari, pada awal Mac lalu mencalit peristiwa hitam dalam sejarah penanam tembakau di Kelantan dan sebahagian Terengganu, apabila tanaman itu musnah ditenggelami banjir kilat. Dianggarkan 3,600 pengusaha dan penanam tembakau mengalami kerugian yang dianggarkan bernilai hampir RM23 juta.

Memandangkan sumber utama menyara keluarga adalah dari hasil tanaman tembakau, kemasuhan tanaman itu menyebabkan penanam berhadapan masalah besar untuk memulakan penanaman semula komoditi itu kerana ia membabitkan kos tinggi. Menyedari masalah berkenaan akan turut memberi kesan kepada syarikat pengeluar rokok di negara ini, British American Tabacco (BAT) Malaysia, mengambil inisiatif menyediakan peruntukan sebanyak RM10 juta bagi program menanam semula tembakau.

Program tanam semula itu turut membabitkan kerjasama dengan agensi kerajaan iaitu Lembaga Tembakau dan Kenaf Negara (LTKN), yang akan bertindak memantau kelancaran program berkenaan. Pengumuman bantuan tanam semula itu melegakan golongan terbabit memandangkan kos untuk melaksanakan projek itu dapat digunakan bagi menampung perbelanjaan harian terutama pengajian anak yang melanjutkan pelajaran ke pusat pengajian tinggi.

Pengarah Operasi BAT Malaysia, Datuk Chan Choon Ngai, berkata hampir 70 peratus tanaman tembakau membabitkan dua negeri itu musnah dalam kejadian tiga hari itu sehingga menjelaskan bekalan tembakau syarikat pengeluar rokok di negara ini termasuk BAT Malaysia. Katanya, memandangkan sebahagian besar pengusaha dan penanam tembakau berkenaan menjadi penyumbang utama hasil pengeluaran syarikat, BAT Malaysia mengambil langkah menyediakan peruntukan sebanyak RM10 juta bagi melaksanakan program tanam semula itu.

"Dalam kejadian banjir kilat itu, lebih 2,800 hektar tanaman tembakau seluruh negara musnah, dengan 1,600 hektar daripadanya membabitkan kawasan yang menjadi pembekal tembakau kepada BAT Malaysia. "Bagi membolehkan pemulihian semula bekalan tembakau itu, BAT Malaysia mengambil langkah menyediakan peruntukan khas sebanyak RM10 juta, membabitkan penyediaan baja serta kerja penyediaan tanah untuk program itu," katanya ketika meninjau kawasan penanaman tembakau yang musnah, di Kampung Pak Mayong, dekat sini, semalam.

Hadir sama, Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Senator A Kohilan Pillay. Chan berkata, sepanjang tiga hari bencana alam itu, jajahan Bachok paling teruk mengalami kerosakan dengan membabitkan 90 peratus kawasan penanaman, diikuti Pasir Puteh (80 peratus); Besut (20 peratus); Pasir Mas (50 peratus) dan Kuala Terengganu (20 peratus). Katanya, usaha penanaman semula itu yang dijangka bermula bulan ini, membolehkan pokok tembakau yang ditanam itu matang menjelang Julai dan boleh dipetik pada September bagi memulihkan semula bekalan tembakau BAT. "BAT dijangka mengalami kekurangan bekalan tembakau antara Julai dan Ogos dan bagi menampungnya, syarikat akan mengimport komoditi itu daripada negara jiran seperti Indonesia dan beberapa negara lain yang dijangka membabitkan kos kira-kira RM40 juta," katanya.

Seorang penanam tembakau, Daud Salleh, 64, melahirkan rasa syukur dengan bantuan yang diberikan syarikat terbabit serta kerajaan dalam usaha meringankan beban yang terpaksa ditanggungnya bagi memulakan kerja penanaman semula itu. Katanya, bencana alam selama tiga hari itu menyebabkan 1.6 hektar daripada 2.4 hektar tanaman tembakaunya musnah,

membabitkan 42,000 pokok tembakau, menyebabkan kerugian hampir RM22,000. "Hanya 0.8 hektar daripada kawasan tanaman tembakau dengan 15,000 pokok tembakau selamat dan bencana itu adalah paling teruk sejak mengusahakan tanaman berkenaan sejak 1985 lagi," katanya.

Penanam Pengawet Individu (PPI), Awang Ismail, 43, berkata memandangkan penanam terpaksa menanggung kos tinggi untuk kerja menanam semula, bantuan disediakan pihak terbabit mampu meringan beban terutama dalam menyediakan kemudahan keluarga seperti keperluan harian serta persekolahan. Katanya, beliau mengalami kerugian kira-kira RM5,000 akibat banjir kilat itu yang memusnahkan sebahagian besar daripada 3.6 hektar kawasan tanaman tembakaunya.

"Bantuan menanam semula ini bertepatan dengan masanya memandangkan ada penanam memerlukan wang untuk menampung keperluan persekolahan anak terutama yang berjaya melanjutkan pengajian ke pusat pengajian tinggi," katanya.

11 April 2009 (Sabtu)

Sentral: Laman web sedia maklumat terkini perbelanjaan kerajaan

PUTRAJAYA: Kementerian Kewangan semalam melancarkan laman web khusus mengenai pakej rangsangan ekonomi yang menyediakan maklumat terkini mengenai pengagihan peruntukan kepada setiap kementerian kepada rakyat. Ketua Pegawai Operasi Unit Pengurusan Projek (PMU) kementerian, Datuk Ir Mohamad Othman Zainal Azim, berkata laman web www.rangsangekonomi.treasury.gov.my juga menyediakan maklumat terperinci bagi setiap negeri.

"Laman web itu turut menyediakan pecahan peruntukan berdasarkan jenis teras dan langkah serta menawarkan ruang untuk orang awam mengemukakan maklum balas. "Rakyat akan mengetahui ke mana kerajaan membelanjakan peruntukan pakej rangsangan ini," katanya pada majlis pelancaran laman web itu di sini, semalam.

Laman web dalam bahasa Malaysia itu dibangunkan dalam tempoh 10 hari oleh Bahagian Teknologi Maklumat Kementerian Kewangan manakala versi bahasa Inggeris akan bermula pada minggu depan. Othman berkata, laman web itu akan dikemas kini setiap minggu dan soalan yang dikemukakan rakyat akan turut dijawab oleh pasukan PMU dalam tempoh tiga hari.

Pakej rangsangan ekonomi pertama berjumlah RM7 bilion diumumkan pada 4 November tahun lalu dan pakej kedua berjumlah RM60 bilion dibentangkan pada 10 Mac lalu. Othman juga berkata, sehingga kini sebanyak RM5.59 bilion sudah dibelanjakan dan 23,543 projek bernilai RM1.75 bilion sedang dilaksanakan. "Menjelang akhir bulan ini semua 38,000 projek di bawah

pakej rangsangan pertama akan dilaksanakan. Di bawah pakej rangsangan kedua pula, projek bernilai RM1.39 bilion sudah diagihkan," katanya.

Sehubungan itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dalam perutusan ringkas pada laman web berkenaan berkata, tujuan mengadakan laman web itu adalah untuk membolehkan rakyat mengikuti secara dekat perkembangan dan pelaksanaan program serta projek yang sudah dirangka bagi menangani krisis ekonomi yang berpunca dari krisis sistem kewangan global.

12 April 2009 (Ahad)

Hospital Putrajaya terbakar

Oleh Haika Khazi m_faizul@bharian.com.my



JURURAWAT memindahkan bayi dari wad bersalin ketika kebakaran di Hospital Putrajaya, semalam.

Kejadian gemparkan 1,000 pesakit, kakitangan dan pelawat

PUTRAJAYA: Lebih 1,000 pesakit, kakitangan dan pelawat Hospital Putrajaya (HPj) di sini, gempar dan bertempiaran lari untuk menyelamatkan diri apabila berlaku kebakaran di tingkat tiga hospital terbabit dipercayai akibat panahan petir ketika hujan lebat, petang semalam. Kejadian berlaku kira-kira jam 4.40 petang itu, dipercayai bermula dari Wad 3C yang menempatkan pesakit Ortopedik dan ketika orang ramai berpusu-pusu melawat saudara masing-masing di hospital terbabit.

Berikutnya kejadian itu, lebih 200 pesakit termasuk bayi baru dilahirkan dan warga emas yang berada tingkat dua, tiga, empat dan lima hospital berkenaan terpaksa dipindahkan ke tingkat satu dan aras bawah bangunan lima tingkat terbabit sebagai langkah keselamatan. Malah, sebagai langkah keselamatan Hospital Putrajaya turut akan memindahkan 20 pesakit dari wad Ortopediknya ke Hospital Serdang, dalam tempoh terdekat. Bagaimanapun, kejadian pertama kali berlaku selepas 10 tahun Hospital Putrajaya dibuka itu tidak menyebabkan sebarang kecederaan atau kemalangan jiwa.

Jurucakap Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat ketika ditemui berkata, pihaknya mengarahkan lebih 20 anggota dan pegawai bomba bersama tiga jentera ke Hospital Putrajaya selepas menerima laporan dan berjaya memadamkan kebakaran beberapa minit kemudian.

"Bagaimanapun, kita masih menyiasat punca kejadian dan jumlah kerugian akibat kebakaran itu," katanya ketika ditemui di pekarangan Hospital Putrajaya di sini, semalam.

Ahli Parlimen Putrajaya, Datuk Seri Tengku Adnan Mansor yang mempunyai program di ibu negara turut bergegas ke hospital berkenaan dan meluangkan masa kira-kira 20 minit meninjau keadaan pesakit di situ.

13 April 2009 (Isnin)

Sentral: Permit ternakan ikan jejas paya bakau ditarik balik

MELAKA: Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG) diminta membatalkan segera permit penternakan ikan air tawar yang sedang dijalankan di Kuala Linggi, dekat sini, selepas projek berkenaan dipercayai merosakkan kawasan paya bakau di situ. Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam yang mengeluarkan arahan itu, berkata beliau sendiri sudah meninjau projek berkenaan dan mendapati ada asas untuk berbuat demikian.

"Kita percaya, jika projek itu diteruskan ia boleh menyebabkan berpuluhan hektar paya bakau yang terdapat di situ rosak. Jadi langkah terbaik mengatasi masalah ini adalah dengan meminta MPAG membatalkan terus permit projek terbabit. "Malah, sebenarnya usaha ini juga adalah selaras dengan arahan kerajaan Pusat supaya kita terus mengekalkan hutan paya bakau," katanya selepas menyampaikan input perikanan kepada Ibrahim Rahmat di Solok Bukit Bayan, Bukit Katil, dekat sini, semalam.

Sumbangan bernilai RM4,250 itu berupa 30 beg makanan untuk 4,000 ikan tilapia dan 2,000 ikan keli, selain satu unit generator bagi bekalan elektrik tambahan kepada penternak terbabit. Hadir sama Pengurus Jawatankuasa Pembangunan Desa dan Pertanian negeri, Datuk Mohamad Hidhir Abu Hasan dan Pengarah Perikanan negeri, Rosmawati Ghazali.

Mohd Ali turut mencadangkan supaya penduduk negeri ini mengusahakan penternakan ikan dalam tangki kerana ia lebih mesra alam, selain mampu memberi pulangan lumayan, khususnya jenis tilapia dan keli, sehingga melebihi RM1,000 sebulan jika diusahakan dengan bersungguh-sungguh. "Sudah sampai masanya juga, penternak di negeri ini beralih kepada teknologi ternakan dalam tangki sama ada simen, sawah terbiar mahupun kanvas tanpa perlu menebang kawasan paya bakau berikutkan Melaka kekurangan kawasan hutan paya bakau," katanya.

Dalam perkembangan lain, Mohd Ali turut mengarahkan MPAG memilih segera peniaga yang layak bermiaga di Medan Ikan Bakar Telok Supai di Kuala Sungai Baru, selepas kemudahan disediakan di situ banyak rosak kerana terbiar.

13 April 2009 (Isnin)

Sentral: Tahap kewangan Mara susut

Oleh Amir Mamat amirapis@bharian.com.my

Dana diperuntukkan tak dapat tampung pembiayaan pinjaman

MELAKA: Majlis Amanah Rakyat (Mara) mengakui kedudukan kewangannya kini agak susut dan terpaksa mengeluarkan pembiayaan pinjaman perniagaan baru secara berperingkat-peringkat berikutan kegagalan peminjam lama melunaskan bayaran balik mengikut jadual. Ketua Pengarahnya, Datuk Nam Marthinin, berkata selain itu, pihaknya juga terpaksa menggunakan sumber kewangan dalaman serta wang bayaran daripada peminjam untuk menampung permohonan pinjaman daripada usahawan Bumiputera sejak awal tahun ini.

Katanya, walaupun kerajaan sudah menyalurkan peruntukan berjumlah RM300 juta sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) kepada Mara untuk tujuan itu, namun ia tidak cukup bagi membiayai permohonan yang dibuat. "Hingga akhir tahun lalu, Mara sudah mengeluarkan RM1.5 bilion untuk peminjam dan perbelanjaan itu lebih daripada peruntukan yang disalurkan kerajaan. Ini bermakna kita sudah menggunakan sumber dalaman dan sumber bayaran balik pinjaman untuk laksanakan program pembiayaan ini. "Oleh yang demikian, saya sudah membuat rayuan kepada kerajaan supaya memberi peruntukan lebih besar dalam tempoh terdekat bagi melancarkan lagi proses pinjaman kepada pemohon yang sudah mendapat kelulusan Mara," katanya.

Beliau ditemui selepas merasmikan Karnival Pendidikan Mara Peringkat Zon Selatan, di sini, kelmarin. Nam berkata, Mara banyak menerima permohonan pinjaman daripada golongan peniaga kecil dan sederhana di seluruh negara sejak tahun lalu dengan kelulusan diberikan dalam tempoh dua minggu. Katanya, berikutan proses permohonan itu pantas, memaksa pihaknya membuat pembayaran secara peringkat-peringkat.

13 April 2009 (Isnin)

Ekonomi - Northport belanja RM500j giat pelaburan pelabuhan

Oleh Ahmad Farizal Hajat ahmadfarizal@bharian.com.my

Kelembapan ekonomi global tak jejas komitmen NCB Holdings

NORTHPORT (Malaysia) Bhd tetap komited untuk meneruskan rancangan pengembangannya yang membabitkan peruntukan RM500 juta di Pelabuhan Klang tahun ini, meskipun berdepan persekitaran perniagaan kurang memberangsangkan, kesan kelembapan ekonomi global. Anak syarikat NCB Holdings Bhd (NCB) yang mengendalikan pelabuhan pelbagai guna terbesar negara

itu, bagaimanapun akan menguruskan perbelanjaan itu dengan berhemat, dengan membahagikan operasi pengembangannya kepada beberapa peringkat, mengikut kepentingan semasa.

Pengarah Urusan Kumpulan NCB, Datuk Abdul Samad Mohamed, berkata aktiviti pelaburan masih aktif di Northport, iaitu meneruskan satu pertiga daripada peruntukan itu, walaupun syarikat kini berdepan penurunan kuantiti dalam aktiviti pengendalian kontena, kesan kelembapan ekonomi. "Ini (pelaburan) adalah komitmen kami. Kami tidak melihat persekitaran ekonomi semasa membataskan aktiviti syarikat, sebaliknya kami mahu memanfaatkan keadaan itu dengan mencipta peluang untuk menaik taraf atau menggantikan jentera serta peralatan di pelabuhan.

"Justeru, apabila ekonomi kembali pulih, Northport bakal berada pada landasan terbaik untuk menyaingi pelabuhan lain dalam memenuhi permintaan pelanggan yang inginkan mutu perkhidmatan berkualiti," katanya dalam temu bual dengan Berita Harian di Pelabuhan Klang, baru-baru ini.

Beliau menambah, rancangan pengembangan itu penting bagi memastikan Northport terus unggul di rantau ini dengan menawarkan perkhidmatan perkapalan dan hubungan ke pelabuhan global kepada lebih 70 syarikat perkapalan utama. "Jika pelabuhan Malaysia mahu terus relevan dalam sistem pelabuhan antarabangsa, kita mesti terus menyediakan keperluan kepada kapal gergasi, termasuk lebih banyak kelengkapan serta laluan masuk lebih dalam," katanya.

Northport kini memiliki dan mengendalikan 15 dermaga khas lain untuk kargo pukal, pukal kering dan pukal cecair, di samping 13 dermaga kontena di Pelabuhan Klang. Mengenai jangkaan kendalian kontena di Northport tahun ini, Abdul Samad berkata, syarikat menjangkakan prestasi kendalian kontena mungkin sedikit terjejas berbanding tahun lalu berikutan penurunan aktiviti perdagangan di rantau ini. Katanya, dalam tempoh dua bulan pertama tahun ini, jumlah kontena yang dikendali merosot hampir 15 peratus berbanding tempoh sama 2008.

Bagaimanapun, bulan lalu, kemerosotan kendalian kontena di Northport pulih sedikit dengan hanya mencatat penurunan hanya lapan peratus. "Terlalu sukar untuk meletakkan sasaran bagi tahun ini. Namun, apa yang boleh dikatakan adalah aktiviti perdagangan sentiasa ada, meskipun ketika kelembapan ekonomi," katanya.

Tahun lalu, Northport mencatatkan jumlah kendalian lebih tiga juta TEU, meningkat lebih tujuh peratus daripada 2.8 juta TEU yang direkodkan pada 2007. Sementara itu, NCB yang akan menyertai pameran Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM) 2009 di Plaza Angsana, Johor Bahru dari 18 hingga 27 April ini, akan menjadikan pameran itu sebagai medan untuk mengukuhkan kepercayaan orang ramai terhadap prestasi unit syarikat PNB.

Abdul Samad berkata, pameran berkonsep pendidikan itu memaparkan pelbagai kegiatan

Northport dan Kontena Nasional. Katanya, menerusi pameran itu, orang ramai terutama pelabur unit saham PNB dapat memahami dan meningkatkan keyakinan terhadap pelaburan mereka. "Kebanyakan pelabur khuatir sama ada pelaburan mereka selamat dengan memikirkan ke mana wang dilaburkan dan berapakah keuntungan yang bakal diperoleh. "Justeru, pameran NCB menjelaskan bentuk kegiatan anak syarikat PNB yang bukan saja stabil, malah teguh sekali gus menghilangkan kegusaran orang ramai," katanya.

13 April 2009 (Isnin)

'Pembubaran MeCD akan diperjelaskan'

KUALA LUMPUR: Kerajaan akan memberi penjelasan terperinci berhubung pembubaran Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MeCD) dalam masa terdekat, kata Tan Sri Muhyiddin Yassin. Timbalan Perdana Menteri berkata, penjelasan berhubung fungsi kementerian itu yang diserapkan kepada beberapa kementerian lain akan dibuat, sama ada oleh beliau sendiri ataupun Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Sidek Hassan. Bagaimanapun, beliau memberi jaminan semua fungsi yang sebelum ini terletak di bawah tanggungjawab MeCD akan diberi perhatian, walaupun sudah diserapkan kepada kementerian lain.

"Pada peringkat awal semua berminat nak tahu... tapi saya beri jaminan tiada satu pun yang dianggap tidak penting. "Bila Kabinet baru dibentuk tentu ada pihak tertanya-tanya mengapa ia (MeCD) ditiadakan, tetapi pada dasarnya ia tetap diutamakan," katanya selepas Majlis tahlil dan doa selamat di kediamannya di sini, semalam.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, ketika mengumumkan barisan Kabinet barunya Khamis lalu, tidak menyebut MeCD dalam senarai kementerian di bawah pentadbirannya. Najib kemudian mengeluarkan kenyataan memaklumkan semua agensi MeCD disusun semula dan diserapkan kepada beberapa kementerian lain, termasuk Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Miti) serta Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

Beberapa akhbar semalam melaporkan kebimbangan pelbagai pihak bahawa pembubaran MeCD yang dianggap sebagai satu kementerian yang menjadi tempat bergantung bagi membela usahawan Bumiputera, mungkin menjelaskan mereka. - Bernama

13 April 2009 (Isnin)

Mansuh MeCD tak jejas usahawan Bumiputera

Oleh Nor Azma Laila norazma@bharian.com.my

Kerajaan tetap beri bantuan menerusi Tekun, Mara: Shafie

KUALA LUMPUR: Pemansuhan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MeCD) tidak akan menjaskan nasib usahawan Bumiputera di negara ini sebaliknya mereka akan terus dibela, kata Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Mohd Shafie Apdal. Katanya, usahawan Bumiputera tidak perlu bimbang mengenai nasib mereka kerana kerajaan akan terus memberikan bantuan menerusi Tabung Ekonomi Kumpulan Usahawan Niaga (Tekun) dan Majlis Amanah Rakyat (Mara) yang kini diserapkan di bawah kementerian itu.

"Pemansuhan MeCD tidak bermakna orang Melayu dan kaum Bumiputera di negara ini terabai sebaliknya agensi yang ada di bawah kementerian itu diserapkan ke beberapa kementerian lain seperti kementerian yang diterajui saya dan juga Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. "Langkah itu dilihat akan lebih memudahkan kerajaan memfokuskan kepada kumpulan sasaran yang lebih khusus terutama dalam konteks pemberian bantuan dan khidmat nasihat. Bagaimanapun, saya percaya Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mempunyai sebab tertentu apabila membuat keputusan untuk memansuhkan MeCD.

"Saya juga yakin bahawa dua agensi yang diserap ke kementerian ini akan dapat membantu meningkatkan prestasi usahawan baru terutama di luar bandar kerana menerusi Mara, masyarakat miskin, belia dan pelajar dari luar bandar akan dibantu untuk menjadi usahawan dan mendapat pekerjaan yang lebih baik," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Ahli Parlimen Gua Musang, Tengku Razaleigh Hamzah bahawa pemansuhan MeCD dibimbangi akan menimbulkan rasa terkilan di kalangan orang Melayu kerana tiada lagi kementerian khusus yang boleh dijadikan tempat mendapatkan bantuan, tunjuk ajar dan khidmat nasihat. Sebelum ini, Tekun dan Mara adalah agensi di bawah MeCD yang pernah diterajui Datuk Noh Omar, bagaimanapun MeCD dimansuhkan ekoran penyusunan semula Kabinet, Khamis lalu.

Shafie berkata, walaupun masih terlalu awal untuk membuat perancangan, kementerian yang diterajui beliau akan memastikan masyarakat luar bandar khususnya Bumiputera mendapat tempat seperti diharapkan oleh kerajaan. "Dua agensi yang baru diserapkan itu juga boleh membantu memantapkan lagi ekonomi penduduk di luar bandar, malah memberi peluang melahirkan lebih ramai golongan Bumiputera luar bandar menceburti bidang perniagaan," katanya.

13 April 2009 (Isnin)

Kaji reka bentuk kotak berinsulasi

Laporan khas oleh Azrul Affandi Sobry azr@bharian.com.my

Pemborong ikan di utara, pantai timur Semenanjung dakwa KIB sukar dikendali

KUALA LUMPUR: Kebanyakan pemberong ikan di Utara dan Pantai Timur Semenanjung meminta Lembaga Kemajuan Ikan (LKIM) meneliti semula spesifikasi dan reka bentuk kotak ikan berinsulasi (KIB) jika mahu penggunaannya diterima pada semua peringkat. Isu utama yang dibangkitkan mereka ialah reka bentuk kotak itu yang didakwa lebih banyak mendatangkan kesukaran terutama bagi operasi pengangkutan selain ketahanannya berbanding digunakan mereka sebelum ini.

Tinjauan Berita Harian mendapati senario sebenar di sebalik keengganan kebanyakan pemberong ikan terutama di Kelantan menerima pakai KIB ialah aspek kemudahan dan pengendalian yang dianggap menyukarkan. Hasil tinjauan itu, kebanyakan pemberong ikan di Kelantan tidak menggunakan KIB yang diperkenalkan LKIM dan lebih selesa menggunakan kotak bergentian serta kotak bersaiz 30 kilogram (kg) yang sudah digunakan sejak sekian lama. Antara alasan utama diberikan mereka ialah kesukaran ketika proses pemindahan kotak ikan dari bot ke jeti yang tidak mempunyai kemudahan kren menyebabkan mereka terpaksa mengangkatnya menggunakan cangkul besi yang dikendalikan beberapa pekerja.

Selain itu, penggunaan KIB menyukarkan mereka membawa ikan dari Thailand lantaran reka bentuk tapaknya yang rata, sekali gus boleh menyebabkan ia jatuh jika laut bergelora. Isu lain ialah KIB dikatakan tidak tahan lama serta mudah pecah. Pengimport di Pangkalan Kubur, Kelantan, Mat Yusof Jaafar, yang sudah membeli 200 KIB berkata beliau lebih selesa menggunakan kotak fiber dengan fungsi insulasi yang dibeli dari Thailand dan beberapa pengeluar tempatan sebelum ini kerana ia lebih murah dan tahan lama.

Beliau berkata, harga bagi satu kotak fiber keluaran Thailand adalah RM150 bagi kapasiti 100kg berbanding RM225 yang dijual oleh LKIM. Malah, kotak fiber yang sebelum ini digunakan kebanyakan pengimport di situ boleh diperbaiki jika rosak sekali gus menjimatkan kos pengoperasian berbanding kotak keluaran LKIM yang dikatakan langsung tidak boleh diperbaiki.

'Lagi teruk ialah KIB selalu hilang. Daripada 200 yang dibeli, separuh daripadanya sudah hilang. Susah nak jumpa atau mengecam kotak itu kerana semua warnanya sama iaitu biru. Jika kotak lama, ada pelbagai warna. Senang nak bezakan. "Kesimpulannya, kami sebagai pengimport tak nampak apa kelebihan pada KIB yang boleh mendorong kami bertukar dari kotak lama. Jika diatur di atas lori, ia memakan ruang kerana bentuknya yang condong. Itu nyata kelemahan utama yang kami nampak," katanya.

Pengerusi Persatuan Pemberong dan Pengimport Ikan Kelantan, Ahmad Tarmizi Mamat, pula berkata tidak semua pengimport ikan di Kelantan menghantar ikan mereka ke destinasi yang jauh, sekali gus tiada keperluan menggunakan KIB. Katanya, jika ikan itu mahu dihantar ke Kuala Lumpur atau ke mana saja yang perjalannya memakan masa sehingga lebih enam jam, adalah logik kotak khas itu digunakan, namun untuk jualan dalam Kelantan, ia tidak perlu.

Bagaimanapun, pengimport di Bukit Kayu Hitam, Kedah, Zulkahdir Hamzah, berkata penggunaan KIB bagi ikan yang diimport sangat penting kerana kebanyakan ikan itu melalui perjalanan melebihi lapan jam sebelum sampai ke Malaysia.

13 April 2009 (Isnin)

Spesifikasi baru ikut kehendak pelbagai pihak



PENGIMPORT ikan di Perlis, Oi Che Teong menunjukkan bekas retakan di kotak ikan berinsulasi yang diperkenalkan LKIM.

PENGUATKUASAAN penggunaan kotak ikan berinsulasi (KIB) bagi ikan import yang dijadualkan 1 Mac tahun ini bukan dibatalkan sebaliknya ditangguhkan sehingga semua ciri sedia ada digantikan dengan spesifikasi serta reka bentuk yang menepati kehendak pelbagai pihak. Timbalan Ketua Pengarah Lembaga Kemajuan Ikan (LKIM), Mohd Khazin Hamzah, berkata laporan menyatakan penguatan kuasaan itu dibatalkan serta merta adalah tidak tepat kerana LKIM dan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani masih optimis untuk melaksanakannya.

Bagaimanapun, katanya, penguatan kuasaan itu akan dilaksanakan apabila beberapa aspek berkaitan KIB yang sebelum ini dipertikaikan oleh kebanyakan pihak terutama pengimport dan pengusaha pengangkutan berjaya diselesaikan. "Setakat ini, beberapa aspek yang dipertikaikan oleh mereka seperti kualiti kotak itu yang mudah menggelembung sudah berjaya diatasi. Kami juga sedang merangka reka bentuk baru yang mampu menyelesaikan masalah pengangkutan menggunakan bot.

"Sebenarnya, semua aspek yang ditekankan mereka (pengimport) lebih berbentuk alasan semata-mata disebabkan keengganannya bertukar ke kotak ikan baru ini sedangkan mereka sendiri mengakui bahawa ia mempunyai kualiti tinggi dalam mengekalkan kesegaran ikan. "Perbandingan dari segi harga yang sebelum ini dibangkitkan juga tidak relevan. Mana boleh bandingkan KIB dengan harga kotak ikan lama, tanpa penutup yang seakan raga. KIB juga ada ciri keselamatan makanan yang tiada pada kotak lama," katanya kepada Berita Harian.

Beliau mengakui bahawa KIB yang dikeluarkan pada peringkat awal mempunyai beberapa kelemahan kerana ia baru diperkenalkan, namun semua permasalahan itu sudah berjaya diselesaikan. Katanya, punca kebanyakan KIB yang digunakan mudah rosak ialah kerana mereka membelinya daripada pembekal tidak sah yang mengambil kesempatan menjual kotak yang diklasifikasikan sebagai rosak oleh pengilang.

Beliau turut meminta pengimport supaya lebih terbuka dalam menerima sesuatu pembaharuan kerana jika reka bentuk baru dikeluarkan, ia masih tidak akan menyelesaikan masalah itu selagi pengimport enggan menerimanya. Menjelaskan dakwaan pengimport di Kelantan yang mengatakan ikan import di situ melalui perjalanan beberapa jam saja sekali gus tidak perlu menggunakan KIB, Mohd Khazin berkata mereka silap kerana realitinya ikan yang masuk ke

Kelantan melalui Tak Bai, Thailand sudah berhari-hari di laut sebelum sampai ke pusat pendaratan. "Kaerah konvensional yang digunakan pengimport di Kelantan tidak mampu mengekalkan ketahanan kualiti ikan. Dengan KIB, sekurang-kurangnya ia terbukti mampu mengekalkan kesegaran ikan sehingga 72 jam," katanya.

"Selain itu, sudah sampai masanya kita mencontohi negara Eropah dan Jepun yang mensyaratkan semua makanan termasuk ikan yang mahu dieksport ke negara mereka perlu menggunakan kotak dengan gred makanan serta diakui selamat," katanya.

Timbalan Pengarah LKIM Perlis, Abdul Rahim Md Mustaffa, berkata kebanyakan pengimport di negeri itu menerima pakai arahan dikeluarkan sebelum ini untuk menggunakan KIB sebanyak 10 peratus kerana sedar kelebihan yang ada padanya. Katanya, meskipun ada timbul rungutan mengenai saiz kotak itu yang dikatakan menyukarkan penyusunan atas lori serta untuk mengisi ikan, ia berjaya diatasi kerana realitinya pengimport boleh memilih untuk menggunakan kotak bersaiz 30 kilogram (kg), 50kg atau 100kg.

13 April 2009 (Isnin)

KPI akan diperluas ke universiti awam



MOHAMED Khaled bermesra dengan orang ramai yang menderma darah anjuran Wanita Umno, MCA, MIC Cawangan Taman Permas Jaya dan Kelab Lions di Permas Jaya, semalam.

Kenal pasti kelemahan, wujud penambahbaikan

JOHOR BAHRU: Kementerian Pengajian Tinggi akan memperluas penggunaan Indeks Petunjuk Prestasi (KPI) yang diperkenalkan untuk memantau prestasi menteri dan timbalan menteri di universiti awam negara ini. Menterinya, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, berkata langkah itu membolehkan kementerian mengenal pasti kelemahan di setiap universiti supaya penambahbaikan dapat dilakukan.

"Sebenarnya KPI di dalam Kementerian Pengajian Tinggi sudah dimulakan untuk mengukur pelaksanaan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara, cuma kini kita perluaskan penggunaannya untuk mencapai kualiti yang dimahukan. "Tetapi, keputusan pencapaian itu nanti tidak akan didedahkan kepada umum kerana matlamat utama kita adalah untuk membantu meningkatkan prestasi universiti dan bukannya mengelirukan masyarakat mengenai baik atau buruk sesebuah

universiti itu," katanya selepas Majlis Derma Darah anjuran Wanita Umno, MCA, MIC Cawangan Taman Permas Jaya dan Kelab Lions, di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika mengulas pembentukan jawatankuasa khas untuk memantau prestasi menteri dan timbalan menteri serta menilai sama ada mereka berjaya memenuhi KPI ditetapkan. Jawatankuasa itu yang beroperasi secara bebas dan berkecuali akan turut merumuskan bentuk hukuman yang boleh dikenakan terhadap menteri atau timbalan menteri yang gagal memenuhi KPI berkenaan.

Mohamed Khaled yang juga Ahli Parlimen Pasir Gudang berkata, beliau menyokong penuh penggunaan KPI terhadap menteri dan timbalan menteri itu dan menyerahkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak untuk mendedahkan pencapaian itu kepada rakyat. - Bernama

14 April 2009 (Selasa)

Ekonomi - Kerajaan salur baki dana RM7b pertengahan Jun

Oleh Kamarulzaidi Kamis kamarulzaidi@bharian.com.my

SEMUA RM7 bilion dana di bawah pakej rangsangan ekonomi pertama dijangkakan disalurkan menjelang Jun ini, manakala RM10 bilion yang diperuntukkan dalam pakej kedua bagi tujuan perbelanjaan mengurus dan pembangunan pula menjelang September. Menteri Kewangan Kedua, Datuk Ahmad Husni Hanadzlah, berkata, sehingga semalam kerajaan menyalurkan kepada pelbagai kementerian sebanyak RM5.9 bilion daripada RM7 bilion yang diperuntukkan di bawah pakej rangsangan pertama yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak pada November tahun lalu.

Beliau berkata, bagi suntikan fiskal RM10 bilion di bawah pakej rangsangan kedua yang diumumkan pada 10 Mac lalu pula, RM5 bilion sudah disalurkan bagi tujuan perbelanjaan pembangunan kira-kira dua minggu selepas itu. "Kerajaan menyasar menyalurkan baki RM1.1 bilion lagi peruntukan dalam pakej rangsangan menjelang pertengahan Jun ini, sementara RM5 bilion yang diperuntukkan bagi perbelanjaan mengurus dalam pakej pertama akan disalurkan secepat mungkin, dan ia dijangka selesai menjelang September ini," katanya kepada pemberita selepas majlis penyerahan tugas Menteri Kewangan Kedua kepada beliau oleh Tan Sri Nor Mohamed Yakcop di Putrajaya, semalam.

Najib ketika mengumumkan Pakej Rangsangan Kedua bernilai RM60 bilion pada 10 Mac lalu berkata, sebanyak RM15 bilion daripada peruntukan itu adalah sebagai suntikan fiskal, yang mana RM10 bilion akan dibelanjakan tahun ini, manakala RM5 bilion lagi tahun depan. Daripada RM10 bilion untuk tahun ini itu pula, RM5 bilion untuk belanja mengurus manakala RM5 bilion lagi untuk pembangunan.

Mengenai kemungkinan Malaysia mengubah kaedah pentadbiran tukaran mata wang dalam persekitaran yang tidak menentu ketika ini, Ahmad Husni berkata, kaedah apungan terurus yang diamalkan ketika ini akan dikekalkan. "Mekanisme pengapungan terurus ringgit adalah kena pada tempatnya bagi melindungi kesan turun naik tukaran asing yang tinggi. Tiada sebab untuk kita mengubahnya buat masa ini," katanya.

Mengulas pelantikannya, Husni berkata, beliau berazam memastikan ekonomi negara pulih dan kembali mengalami pertumbuhan mapan. "Saya akan beri keutamaan memastikan pelaksanaan kedua-dua pakej rangsangan dapat dimanfaatkan sepenuhnya. Saya juga akan memberi tumpuan dan bekerjasama dengan Unit Perancang Ekonomi dan Unit Penyelaras Pelaksanaan untuk memastikan projek di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) dilaksanakan mengikut jadual," katanya.

Husni menegaskan, Kementerian Kewangan akan melakukan apa juga yang diperlukan untuk mengukuhkan lagi keyakinan pelabur dan pengguna untuk meningkatkan pelaburan dan penggunaan domestik.

14 April 2009 (Selasa)

Mara diminta serah laporan

Oleh Azman Mahmood bhnews@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah akan mendapatkan maklumat lanjut daripada Mara berikutan kedudukan kewangannya dilaporkan susut, sekali gus memaksa agensi itu menggunakan sumber kewangan dalaman untuk membiayai pinjaman kepada usahawan baru. Timbalan Menterinya, Datuk Hassan Malek, berkata masalah kewangan Mara yang semakin susut boleh memberi kesan kepada usahawan mendapatkan pembiayaan terutama mereka yang baru mencebur diri dalam perniagaan.

"Saya belum pasti masalah sebenar dihadapi Mara sehingga sumber kewangannya semakin susut dan terpaksa menggunakan sumber kewangan dalaman membiayai pinjaman perniagaan baru daripada pemohon. "Kita akan mendapatkan laporan terperinci mengenai perkara itu dan saya rasa perlu diberi perhatian serius kerana Mara satu-satunya agensi yang sudah lama menjaga dan membela nasib orang Melayu," katanya ketika dihubungi, semalam.

Beliau diminta mengulas kenyataan Ketua Pengarah Mara, Datuk Nam Marthinin, kelmarin yang mengakui kedudukan kewangan agensi itu agak susut dan terpaksa mengeluarkan pembiayaan pinjaman perniagaan baru secara berperingkat berikutan kegagalan peminjam lama melunaskan bayaran balik mengikut jadual.

Nam berkata, walaupun kerajaan menyalurkan peruntukan berjumlah RM300 juta sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), ia tidak cukup bagi membiayai permohonan

pinjaman. Sehingga akhir tahun lalu, Mara mengeluarkan RM1.5 bilion untuk peminjam dan perbelanjaan itu melebihi peruntukan yang disalurkan kerajaan menyebabkan Mara terpaksa menggunakan sumber kewangan dalaman dan pembayaran balik pinjaman bagi tujuan itu.

Hassan berkata, Mara perlu melihat semula sistem kutipan dan bayaran balik pinjaman perniagaan dan hutang lapuk daripada peminjam lama. Katanya, Mara boleh menggunakan pendekatan berhemah berdasarkan tuntutan agama sebagai salah satu cara dalam mendapatkan semula pinjaman yang gagal dilunaskan peminjam lama.

14 April 2009 (Selasa)

Surat - Tender terbuka beri peluang projek kepada semua kaum

PENGUMUMAN Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak bahawa kerajaan akan menyediakan laman web khusus menghuraikan kemajuan program rangsangan ekonomi bernilai RM67 billion dalam jangka waktu terdekat disambut gembira khasnya di kalangan komuniti perniagaan di negara ini. Ia bukti keikhlasan dan ketelusan kerajaan mengamalkan pendemokrasian dalam konteks pengagihan projeknya. Menerusi laman web ini, kontraktor dari pelbagai bangsa boleh mengambil bahagian tender secara terbuka.

Rakyat sebagai pembayar cukai mudah mengetahui ke arah mana wang dalam program rangsangan ekonomi dibelanjakan. Justeru, persepsi negatif di kalangan parti pembangkang dan orang bukan Melayu bahawa tender agensi kerajaan hanya dimonopoli orang Melayu saja adalah tidak benar dan dapat dibetulkan dengan pendekatan ini. Siaran melalui laman web ini mungkin akan menimbulkan rungutan kontraktor Kelas F dan persatuan kontraktor Melayu yang mempunyai lebih 40,000 ahli. Namun demikian, melalui tender secara terbuka ini pelbagai kaum secara adil dan saksama diberi peluang mengambil bahagian tender berkenaan.

Akhirnya yang terpilih adalah kontraktor yang memiliki merit dan terbukti mempunyai kedudukan kewangan mapan. Kualiti sedemikian amat penting bagi menjamin bahawa projek kerajaan berjalan dengan lancar dan memberi faedah besar kepada rakyat secara keseluruhannya. Usaha ini juga akan memperlihatkan bahawa kerajaan mempunyai iltizam dan komitmen tinggi untuk menghapuskan persepsi kurang elok di kalangan rakyat bahawa wujudnya pilih kasih, kronisme dan rasuah dalam agihan projek kerajaan.

Pendekatan ini juga berkemungkinan membuka minda dan kesedaran kepada kontraktor Melayu yang terlalu bergantung kepada belas ihsan projek kerajaan supaya bersaing di atas padang yang sama saiznya dengan kontraktor bukan Melayu melalui prasyarat ciri kontraktor yang berjaya. Memang tidak dapat dinafikan bahawa sistem tender terbuka ini tidak menjamin seratus peratus tidak akan berlakunya amalan rasuah, pilih bulu dan salahguna kuasa. Yang penting, sistem tender secara terbuka menjamin bahawa semua kaum di negara ini diberi peluang sama rata tanpa mengambil kira ideologi politik dan bangsa.

Pengenalan pendekatan ini juga secara langsung atau tidak akan mengurangkan aktiviti broker komisen, politik naungan, perniagaan alibaba, kerena birokrasi dan amalan rasuah yang dilihat tiada penghujungnya. Selama ini kerajaan terpaksa membayar harga yang tinggi kerana melayani kehendak kumpulan itu. Kajian beberapa penyelidik universiti tempatan juga menunjukkan salah satu punca berlakunya ketirisan dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru disebabkan faktor ini.

Pengalaman beberapa projek kerajaan tergendala seperti bangunan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade), hospital, makmal sekolah dan sebagainya sedikit sebanyak disumbangkan oleh kesilapan memilih kontraktor. Bagi kerajaan ia diibaratkan mimpi ngeri dan rakyat pula tidak seharusnya didera kerana kelekaan berkenaan, sedangkan mereka adalah pembayar cukai yang setia.

MOHD KHALID SALLEH, Ampang, Selangor.

15 April 2009 (Rabu)

Ekonomi - Smidec umum kajian krisis kewangan

PERBADANAN Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (Smidec) akan mengeluarkan hasil kajian terkini mengenai kesan krisis kewangan dan ekonomi global terhadap perusahaan kecil dan sederhana (PKS) awal bulan depan. Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Mustapa Mohamed, berkata kajian kali kedua itu bagi mendapatkan maklumat terbaru mengenai kesan krisis terbabit terhadap PKS selepas kajian pertama dijalankan pada suku keempat tahun lalu mendapati ia tidak begitu menjaskan sektor berkenaan.

Beliau berkata, kajian terdahulu oleh Smidec mengenai kesan krisis kewangan dan ekonomi global terhadap PKS dilaksanakan dengan kerjasama Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia (FMM) membabitkan 1,143 PKS. "Buat masa ini, belum ada sebarang maklumat mengenai kajian kedua itu yang masih dilakukan. Hasil kajiannya akan diketahui awal bulan depan," katanya kepada pemberita selepas melakukan lawatan kerja ke pejabat Smidec di Kuala Lumpur, semalam.

Hadir sama, timbalannya, Datuk Mukhriz Mahathir dan Ketua Eksekutif Smidec, Datuk Hafsat Hashim. Dalam pada itu, Mustapa berkata, perancangan untuk menukar status Smidec kepada SME Corporation sedang dibuat dengan tugas dan jawatan baru serta rang undang-undang mengenainya dibentangkan di Parlimen tahun ini.

Beliau berkata, Smidec adalah organisasi penting untuk pembangunan PKS negara dan apabila menjadi SME Corporation kelak, peranan dan tanggungjawabnya akan menjadi lebih penting. "Saya akan memberi tumpuan terhadap isu mengenai PKS dan melakukan pengawasan yang kerap terhadapnya," katanya.

Sementara itu, pada majlis berasingan, Hafsa berkata, sejumlah RM3.2 bilion diperuntukkan kerajaan membabitkan 198 program tahun lalu bagi pembangunan PKS dalam pelbagai sektor.

Beliau berkata, program terbabit disasarkan untuk memaju dan meningkatkan keupayaan syarikat PKS dalam usaha memastikan kesinambungan mereka dalam perniagaan. "Sejumlah 317,000 PKS disasarkan mendapat manfaat daripada pelaksanaan aktiviti ini," katanya pada ucaptama Persidangan PKS Kebangsaan di Kuala Lumpur, semalam.

Teks ucapan beliau dibacakan timbalannya, Borhan Sidik. Hafsa menambah, Smidec menggunakan pendekatan menyeluruh dalam mempromosi dan meningkatkan keupayaan PKS menerusi pelbagai program bantuan kewangan dan pembangunan. Katanya, menerusi skim geran padanan perniagaan setakat ini, sejumlah 21,208 projek berjumlah RM587.3 juta diluluskan, manakala untuk skim pinjaman mudah, sejumlah 1,488 permohonan diluluskan berjumlah RM864.9 juta.

"Setakat 2008, 859 PKS sudah mempunyai hubungan perniagaan dengan syarikat multinasional dan syarikat kerajaan atau syarikat besar, menghasilkan jualan keseluruhan berjumlah RM893.79 juta," katanya.

Beliau berkata, aktiviti menghubungkan PKS dengan syarikat multinasional dan syarikat kerajaan atau syarikat besar itu, kebanyakannya dilaksanakan ketika sesi padanan perniagaan pada acara tahunan Pameran Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (Smidex). Tahun ini, Smidec akan menganjurkan Smidex 2009 yang bertemakan "Inovasi dan Teknologi: Mengkalkan Kuasa Untuk PKS" mulai 3 hingga 5 Jun ini di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur. "Acara itu akan diadakan serentak dengan Kongres Perdagangan Dunia 2009," kata Hafsa.

16 April 2009 (Khamis)

Fungsi MeCD kekal: PM

Oleh Norfatimah Ahmad tim@bharian.com.my



Datuk Seri Najib Razak

- ☒ **Agensi diserapkan ke lapan kementerian**
- ☒ **Jadikan pentadbiran lebih kecil dan cekap**

KUALA LUMPUR: Semua fungsi dan agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan

Koperasi (MeCD) yang dibubarkan dalam Kabinet Datuk Seri Najib Razak minggu lalu, akan diserapkan ke lapan kementerian lain. Kerajaan juga akan memastikan peranan utama MeCD sebelum ini terus diberi penekanan, terutama bagi melahirkan masyarakat perdagangan serta perindustrian Bumiputera, memperluaskan dan mempercepatkan pembabitan Bumiputera dalam arus pembangunan ekonomi, membangun kawasan pertumbuhan baru dan memperkasakan koperasi.

Perdana Menteri, dalam kenyataannya semalam, berkata fungsi Pembangunan dan Penggalakan Sistem Francais serta Pembangunan Skim Vendor dipindahkan ke Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Turut dipindahkan ke kementerian itu ialah Pembangunan Koperasi, Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan Maktab Kerjasama Malaysia, manakala Pembangunan Masyarakat Perindustrian Perdagangan Bumiputera, Institut Keusahawanan Negara (Insken) dan Bank SME diserapkan ke Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) pula dipindahkan ke Jabatan Perdana Menteri (JPM), Pusat Khidmat Kontraktor ke Kementerian Kerja Raya, manakala Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri, Perbadanan Pembangunan Bandar, Perbadanan Nasional Bhd serta Bank Rakyat ke Kementerian Kewangan. Mara dipindahkan ke Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, sementara Tabung Ekonomi Kumpulan Usahawan Niaga (Tekun) ke Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Universiti Kuala Lumpur (UniKL) dan Malaysia-Japan University (Maju) pula dipindahkan ke Kementerian Pengajian Tinggi.

Pada sidang medianya pula, Najib menegaskan pemansuhan MeCD tidak menimbulkan masalah kerana agensi di bawah kementerian itu tidak dibubarkan. "Tugas dan tanggungjawabnya seperti biasa. Umpamanya, Mara kita kembalikan ke Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah seperti zaman Allahyarham Tun Ghafar Baba dulu. "Lagi pun, menterinya sekarang seorang Naib Presiden Umno (Datuk Seri Mohd Shafie Apdal). Takkan dia tidak boleh diharap melaksanakan program Mara," katanya.

Perdana Menteri berkata, pemansuhan MeCD tidak sepatutnya dijadikan isu kerana ia dilakukan untuk mewujudkan kerajaan yang lebih kecil dan cekap. Mengenai LPKP, Perdana Menteri berkata, agensi itu ditempatkan di bawah JPM berikutan keputusan terdahulu untuk mewujudkan Lembaga Pengangkutan Kebangsaan yang merentasi pelbagai kementerian. Beliau bagaimanapun berkata, keputusan belum dibuat mengenai Menteri di JPM yang bertanggungjawab menerajui badan baru yang dijangka dilaksanakan tahun ini.

16 April 2009 (Khamis)

KPI menteri mula dilaksana November

Oleh Norfatimah Ahmad tim@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Proses penilaian prestasi dan pencapaian semua 28 menteri dan kementerian masing-masing menggunakan penanda asas Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang pertama akan dilaksanakan, November ini. Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak berkata, sejajar itu, Khazanah Nasional Bhd (Khazanah) dipertanggungjawabkan untuk membantu kerajaan menggubal sistem KPI itu dalam tempoh sebulan dari sekarang.

Beliau berkata, penilaian itu akan dilaksanakan sebuah unit di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM) serta Unit Penyelarasaran Pelaksanaan (ICU) sebelum laporan itu dibentangkan dan dibincangkan untuk menilai tahap pencapaian menteri dan kementerian dalam tempoh enam bulan. "Saya percaya jemaah menteri sedar bahawa masa depan kerajaan bergantung kepada pencapaian mereka berdasarkan KPI dan mereka tahu bahawa mereka mesti mengambil serius apa yang perlu dilakukan. "Saya yakin mereka mampu melaksanakan tanggungjawab dan dengan sistem KPI ini saya percaya prestasi dan pencapaian kerajaan akan lebih baik dan lebih berkesan lagi," katanya pada sidang media di kediamannya di sini, semalam.

Najib berkata, penilaian yang akan dilaksanakan itu bukan kaedah bersifat pemantauan semata-mata tetapi juga mengetengahkan cara membantu menteri berkenaan jika berhadapan dengan sebarang hambatan kepada keputusan yang dibuat kementerian lain. "Kita boleh gunakan masa penilaian itu untuk menyelesaikan kekangan dari segi pelaksanaan dan pencapaian kementerian terbabit. "Kita juga akan mengambil kira pandangan sesetengah pihak bahawa ada keputusan itu merentasi antara kementerian dan penilaian tidak boleh dikhususkan kepada satu kementerian saja dan perlu membabitkan peranan kementerian lain," katanya.

Mengenai perbezaan KPI berbanding sistem kad laporan yang diperkenalkan sebelum ini, Perdana Menteri berkata, pelaksanaan KPI dirancang secara sistematik kerana setiap keputusan akan didokong sistem yang akan digubal Khazanah. "Kita ambil pendekatan sistematik, jika tidak ia hanya sekadar kenyataan yang retorik. Ia sesuatu yang tidak seperti biasa, sesuatu yang berbeza sebab saya sudah menjanjikan perubahan dan pembaharuan kepada rakyat dan saya serius untuk melaksanakannya," katanya.

Beliau berkata, pihaknya akan berbincang dengan Pengarah Urusan Khazanah, Tan Sri Azman Mokhtar untuk menempatkan bilangan tenaga yang mencukupi bagi melaksanakan penggubalan KPI dalam tempoh yang ditetapkan. Najib berkata, KPI itu juga akan membabitkan pembahagian tugas kepada timbalan menteri secara tersusun supaya mereka dapat menyumbang kepada tindakan dan pelaksanaan yang dilakukan kerajaan.

Mengenai mesyuarat Kabinet pertama yang dipengerusikannya semalam, Perdana Menteri berkata, Jemaah Menteri diingatkan supaya memberi sumbangan terbaik kepada negara, selain mendapat kepuasan dalam melaksanakan tugas masing-masing. "Kabinet perlu dekat di hati rakyat, sanggup turun padang, menyinsing lengan serta melakukan perkara yang boleh mengukuhkan kepercayaan dan keyakinan rakyat kepada kerajaan kerana dalam persekitaran politik sekarang rakyat semakin kritikal dan kita tidak boleh menganggap ini sebagai perkara biasa tetapi mesti mempamerkan barisan kepemimpinan yang sanggup melakukan perubahan dan pem-baharuan," katanya.

Beliau berkata, anggota Kabinet juga dimaklumkan mengenai pencapaian yang diharapkan rakyat yang tidak lagi mahu mendengar sesuatu yang dijanjikan, tetapi mahukan pelaksanaan secepat mungkin, selain membuka pintu kepada dialog dan berurusan dengan semua lapisan masyarakat. "Rakyat mengharapkan pendekatan berbeza dan Kabinet baru ini tidak perlu pendekatan yang terlalu mementingkan kedudukan sebagai anggota pentadbiran, sebaliknya mesti sensitif kepada pandangan rakyat dalam apa juga yang kita lakukan. "Contohnya untuk papan iklan mempromosi pelancongan di Pulau Langkawi misalnya, tidak payahlah gambar Perdana Menteri dan menteri diletakkan sebagai sebahagian papan iklan itu, begitu juga pada sepanduk untuk pelaksanaan program tertentu," katanya.

17 April 2009 (Jumaat)

UniKL, Maju naik taraf IPTA dikaji

Oleh Khairul Azran Hussin khaiazr@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Universiti Kuala Lumpur (UniKL) dan Malaysia-Japan University (Maju) mungkin ditukar statusnya menjadi institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dalam usaha memantapkan pembangunan prasarana dan modal intelektual kedua-dua universiti swasta itu. Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, berkata kaedah terbaik dan paling sesuai untuk menukar status UniKL dan Maju sedang dikaji selepas kedua-duanya secara rasmi dipindahkan ke Kementerian Pengajian Tinggi, kelmarin.

"Kita tidak menolak kemungkinan untuk menukar status dua universiti swasta itu kepada IPTA dalam usaha memastikan pencapaian dalam bidang pengkhususan yang ditawarkan akan dapat dimantapkan lagi. "Jadi, perkara ini akan diteliti terlebih dulu sebelum sebarang keputusan dibuat. Yang pasti segala keputusan yang diambil adalah untuk kebaikan sistem pengajian di negara ini," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika ditanya mengenai perancangan awal Kementerian Pengajian Tinggi selepas diberi tanggungjawab untuk mengambil alih UniKL dan Maju yang sebelum ini berada di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MeCD). Semalam, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata semua fungsi dan agensi di bawah MeCD yang dibubarkan dalam Kabinet baru minggu lalu, akan diserapkan ke lapan kementerian berasingan berkuat kuasa, semalam.

Selain Kementerian Pengajian Tinggi, antara yang turut mengambil alih tugas agensi di bawah MeCD ialah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna yang akan mengambil alih fungsi Pembangunan dan Penggalakan Sistem Francais serta Pembangunan Skim Vendor. Turut dipindahkan ke kementerian itu ialah Pembangunan Koperasi, Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan Maktab Kerjasama Malaysia, manakala Pembangunan Masyarakat Perindustrian Perdagangan Bumiputera, Institut Keusahawanan Negara (Insken) dan Bank SME diserapkan ke Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Miti).

Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) dipindahkan ke Jabatan Perdana Menteri (JPM), Pusat Khidmat Kontraktor ke Kementerian Kerjaya, manakala Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri, Perbadanan Pembangunan Bandar, Perbadanan Nasional Bhd serta Bank Rakyat ke Kementerian Kewangan.

Mara dipindahkan ke Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, sementara Tabung Ekonomi Kumpulan Usahawan Niaga (Tekun) ke Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Mohamed Khaled berkata, pihaknya akan turut mengkaji kembali matlamat dan peranan kedua-dua universiti itu bagi memastikan kualiti pengajian tinggi negara terpelihara. "Kementerian sedang meneliti semua aspek, terutama terutama sekali berkaitan sukanan pelajaran bagi memastikan mutunya terus menepati piawaian antarabangsa," katanya.

17 April 2009 (Jumaat)

UTeM terima RM65 juta bangunkan infrastruktur di kampus induk

Oleh Badrul Hizar Ab Jabar bhizar@bharian.com.my

UNIVERSITI Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) menerima peruntukan sebanyak RM65 juta dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) untuk membangunkan tiga kemudahan fizikal dan infrastruktur di kampus induknya di Durian Tunggal, Alor Gajah. Naib Canselornya, Prof Dr Ahmad Yusoff Hassan, berkata antara projek terbaru yang sedang dilaksanakan itu adalah membabitkan pembinaan bangunan dewan konvokesyen, kilang pembelajaran, masjid serta menaik taraf bangunan dan infrastruktur asas sedia ada. Katanya, ketiga-tiga projek itu yang dimulakan sejak tahun lalu, dijangka siap sepenuhnya antara dua hingga lima bulan dari sekarang iaitu membabitkan kilang pembelajaran pada Mei, manakala dewan konvokesyen dan masjid akhir September.

"Dewan bernilai RM20 juta ini boleh menampung lebih ramai pelajar terutama ketika konvokesyen yang bakal diadakan pertama kali di kampus baru ini pada 3 dan 4 Oktober. Dewan ini boleh memuatkan seramai 4,000 pelajar dan setakat ini kerja pembinaannya sudah 55 peratus siap. "Tentunya, selepas ini UTeM tidak perlu lagi menyewa bangunan lain untuk mengadakan majlis konvokesyen kerana ia membabitkan perbelanjaan besar," katanya selepas mengiringi Canselor UTeM, Tun Mohd Khalil Yaakob melawat tiga tapak projek berkenaan, kelmarin.

Program lawatan itu antara lain bertujuan menerangkan mengenai pelan pembangunan strategik dua tahun UTeM, termasuk ciri-ciri serta kelebihan yang terdapat pada universiti itu, berbanding universiti lain di negara ini. Sepanjang lawatan itu, Mohd Khalil turut memberikan beberapa cadangan kepada pengurusan kanan universiti terbabit, antaranya menyegerakan pembinaan kediaman pelajar, menambahbaik bangunan dan membina laluan bagi pelajar atau orang kurang upaya di kawasan dewan konvokesyen.

Hadir sama Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi, Prof Madya Datuk Dr Abu Bakar Mohd Diah dan Pengarah Pembangunan dan Pengurusan Aset UTeM, Nooraida Attan. Mengulas lanjut, Ahmad Yusoff berkata, pembinaan kilang pembelajaran bernilai RM30 juta itu akan menempatkan pelbagai mesin yang akan digunakan pelajar bersama industri dalam membangunkan sesuatu produk.

"Kilang ini dibina bertujuan membolehkan pelajar UTeM bersama pihak industri dari luar bekerjasama untuk mencipta sesuatu produk terutama membabitkan bahan sektor perkilangan. Struktur lantai kilang ini turut dibina dengan kukuh, apabila berupaya menahan kekuatan sesebuah mesin yang ditempatkan sehingga 60 tan. "Masjid yang dibina bernilai RM15 juta pula boleh menempatkan seramai 4,000 pelajar termasuk kakitangan bertujuan memberikan keselesaan dan kemudahan kepada warga kampus yang beragama Islam menunaikan tanggungjawab mereka," katanya.

17 April 2009 (Jumaat)

Sabah&Sarawak: Syarikat dikesan pindah tanah bukit secara haram

Oleh Mohd Azrone Sarabatin azrone@bharian.com.my

DBKK sudah kenakan kompaun ke atas pihak terbabit

KOTA KINABALU: Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) mengesahkan ada syarikat dikesan mengambil dan memindahkan tanah bukit di Teluk Sepanggar di sini, secara haram. Jurutera DBKK (Bahagian Kerja-kerja Tanah Bandaraya), Lilitia Jenneh, berkata ada antara mereka yang sudah dikompaun mengikut Undang-undang Kecil Kerja Tanah 1987 kerana disabitkan kesalahan menarah bukit dan memusnahkan pokok, antaranya berhampiran pusat beli belah 1One Borneo, taman perumahan One Sulaman dan Alamesra berhampiran Jalan Sulaman, di sini. Katanya, kegiatan itu juga menyebabkan parit tertimbus di sekitar kawasan berkenaan sehingga berlaku banjir kilat terutama penempatan penduduk sekitar Jalan Sulaman.

"Mengikut undang-undang itu, setiap kesalahan dikompaun RM100 dan jumlah itu meningkat mengikut jumlah kertas kompaun dikeluarkan. "Syarikat atau individu yang terbabit kegiatan penarahan bukit perlu memiliki pelan kerja tanah yang dikeluarkan jurutera bertauliah yang kemudian dihantar kepada DBKK untuk proses penilaian dan kelulusan," katanya kepada Berita Harian di sini, semalam.

Lilitea juga berkata, pihaknya sentiasa melakukan pemantauan di semua kawasan penarahan bukit termasuk membuat pemeriksaan mengejut di tapak berkenaan. Katanya, ia bagi memastikan kegiatan pengambilan dan pemindahan tanah bukit tidak dilakukan sewenang-wenangnya. Beliau berkata, ia bukan saja melanggar undang-undang, malah menyusahkan penduduk bandar raya.

Rabu lalu, Jabatan Perlindungan Alam Sekitar Sabah (JPAS) mengesahkan kegiatan pengambilan dan pemindahan tanah bukit di kawasan diliputi tumbuhan asal boleh menyebabkan peningkatan julat suhu seperti berlaku di Teluk Sepanggar, dekat sini. Pengaruhnya, Yabi Yangkat, berkata kegiatan itu turut memberi kesan kepada ketidakseimbangan ekologi sehingga mendorong berlaku pemanasan luar biasa dan banjir kilat di kawasan berkenaan.

17 April 2009 (Jumaat)

Rencana - Teknologi hijau pada dasar pentadbiran Najib

Dr Zaini Ujang

PERDANA Menteri, Datuk Seri Najib Razak mempunyai banyak pilihan dan kaedah untuk memastikan dasar dan pengurusan alam sekitar di Malaysia dapat dilaksanakan dengan lebih lestari, berkesan dan efisien. Ketika Tun Abdullah Ahmad Badawi (Pak Lah) sebagai Perdana Menteri, banyak kenyataan dan dasar baru dikemukakan merujuk kepada keadaan sungai dan hutan. Kadangkala Pak Lah tegas, tetapi ada masanya beliau beremosi, misalnya dalam ucapan pembentangan Rancangan Malaysia Kesembilan pada 31 Mac 2006, Pak Lah menyebut: "Apa yang sedang berlaku kepada sumber air di negara ini amatlah menyentuh hati saya. Ia sangat menyedihkan."

Dalam tempoh seminggu, dasar alam sekitar di bawah kepimpinan Najib setakat ini boleh dibaca dengan merujuk kepada anggota Kabinet dan penstrukturuan semula kementerian. Paling menyerlah ialah pertambahan bidang kuasa kementerian yang dulu dikenali sebagai Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Air, kini menjadi Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air. Menerusi penstrukturuan semula kementerian ini terserah dua dasar utama, iaitu memberi tumpuan kepada 'teknologi hijau' sebagai wasilah untuk mencapai pelestarian secara lebih terencana dan kepentingan sektor perkhidmatan tenaga dan air diungkapkan secara lebih holistik dan bersepada.

Umum mengetahui, sektor perkhidmatan tenaga dan air adalah penyumbang utama kepada pencemaran alam sekitar dan peningkatan suhu global jika tidak diurus secara lestari. Daripada senarai karbon terbebas di ruang atmosfera secara global, lebih 50 peratus terhasil daripada sektor penjanaan tenaga dan pengurusan sumber air. Sektor lain yang memberi sumbangan besar ialah pertanian menerusi penghasilan sebatian karbon (metana) dan sektor pengangkutan yang juga berkait rapat dengan penjanaan tenaga menggunakan bahan api fosil.

Bagi menangani masalah itu, teknologi hijau yang mesra alam diperlukan. Apakah definisi teknologi hijau? Pada hemat saya, teknologi hijau ialah teknologi yang direka bentuk untuk mengurangkan kesan negatif kepada alam sekitar, sama ada dari segi kaedah penghasilan teknologi, penggunaan sumber dan tenaga untuk menggunakan teknologi, sehinggalah pelupusan bahan selepas penggunaan teknologi terbabit.

Definisi itu sangat bergantung kepada analisis kitaran hayat (life cycle analysis, LCA) dan penilaian kuantitatif pelestarian (quantitative sustainability assessment, QSA). Ada juga pakar yang mensyaratkan konsep tapak ekologi (ecological footprint) sebagai salah satu pengukur bagi mengenal pasti tahap ‘kehijauan’ sesuatu teknologi.

Dengan kata lain, konsep teknologi hijau tidak boleh ditentukan semata-mata dengan wujudnya komponen kitar semula, penggunaan sumber daripada bahan buangan atau pengurangan penggunaan bahan api fosil. Kadangkala komponen terbabit hanya diungkapkan bagi mengabui mata orang awam dan khalayak pengguna. Saya berpendapat konsep teknologi hijau perlu dilihat secara holistik dan bersepadu sekurang-kurangnya dari perspektif LCA.

Sehubungan itu, sektor perkhidmatan tenaga dan air dijangka akan memberi lebih penekanan kepada penggunaan teknologi hijau pada masa depan. Menerusi penstrukturran kementerian baru itu, Najib memberi isyarat penting bahawa kedua-dua sektor yang berkait rapat dengan pencemaran alam sekitar dan pemanasan global itu perlu diberi nafas dan dinamisme baru supaya lebih lestari dan kompetitif.

Hal ini relevan dan bersifat futuristik kerana kedua-dua sektor itu adalah komponen asas kepada prasarana pembangunan negara. Jika komponen asas itu tidak diteraskan kepada gagasan pelestarian, maka sukar untuk sektor lain berbuat demikian. Hal ini sesuai dengan konsep ‘ekonomi rendah karbon’ seperti dijelaskan secara terperinci menerusi Laporan Stern kepada Kerajaan Britain yang juga diterbitkan berjudul *The Economics of Climate Change* (2007).

Dari segi pelaksanaannya, saya mencadangkan supaya dasar alam sekitar dirangka menggunakan tiga pendekatan strategik, iaitu (a) berteraskan pembangunan ekonomi rendah karbon (b) berteraskan pencapaian dan (c) mendahuluikan kepentingan rakyat.

Pendekatan berteraskan pembangunan ekonomi rendah karbon adalah dasar pembangunan yang sedang dilaksanakan hampir semua negara maju, terakhir di Amerika Syarikat menerusi pentadbiran Barack Obama. Dasar ini memberi keutamaan kepada pelbagai alternatif dan cara baru untuk mengukur tahap ‘kemajuan’ yang seharusnya tidak lagi terikat kepada untung rugi wang ringgit semata-mata, tetapi turut mengambil aspek kesan sosial, penyuburan budaya bangsa, pengurusan keselamatan serta risiko, pelestarian alam sekitar dan kesejahteraan hidup masyarakat.

Dalam konteks ini, teknologi hijau, LCA dan QSA menjadi penting untuk memandu arah tahap ‘kesejahteraan’ dan ‘pelestarian’ sesuatu dasar dan inisiatif. Dasar alam sekitar berteraskan pencapaian pula bermakna penekanan kepada objektif lebih bersepadu, holistik dan boleh ukur bagi memastikan konsep pelestarian dilaksanakan dengan lebih telus, berkesan dan efisien.

Ketika ini dasar dan pengurusan alam sekitar di Malaysia masih lagi bertindan dan berasaskan sempadan geopolitik dan birokrasi. Kerjasama antara kementerian dan agensi masih belum menyerlah yang sepatutnya diterjemahkan dalam bentuk tindakan lebih berkesan. Akibatnya

sektor alam sekitar dilihat secara terpisah mengikut bidang kuasa sesuatu agensi dan peruntukan akta masing-masing.

Sehubungan itu, saya mencadangkan pencapaian alam sekitar dinilai menggunakan Indeks Prestasi Alam Sekitar (EPI) yang diumumkan setiap dua tahun sekali pada Forum Ekonomi Dunia di Davos, Switzerland setiap Januari. EPI dibangunkan Universiti Yale dan Universiti Columbia.

Dalam hal ini, UTM menjadi sebuah agensi dalam rangka kerjasama global pembangunan EPI. Pada hemat saya, EPI lebih komprehensif dan berdasarkan pencapaian yang jauh lebih realistik dan citra-prestari berbanding Laporan Kualiti Alam Sekeliling atau lain-lain laporan yang ketika ini disediakan pelbagai agensi.

Dasar alam sekitar juga perlu memberi penekanan kepada kepentingan rakyat. Hal ini selari dengan kenyataan Najib dalam ucapan sulung selepas dilantik sebagai Perdana Menteri untuk mendahuluikan kepentingan rakyat.

Dalam konteks pengurusan alam sekitar, banyak isu membabitkan kepentingan rakyat khususnya dari segi kualiti sumber air, bekalan air, loji kumbahan, pencemaran udara, pengurusan sisa pepejal, kebersihan dan bau aktiviti penternakan haiwan, kesesakan jalan raya, kehangatan iklim bandar dan banjir kilat. Rakyat juga prihatin terhadap kos perkhidmatan alam sekitar seperti bekalan air, sumber tenaga dan pengangkutan awam.

Sesungguhnya Kabinet pimpinan Najib mempunyai tugas besar bukan saja untuk merangka dasar baru lebih lestari dalam pengurusan alam sekitar, malah meningkatkan keyakinan rakyat bahawa kerajaan sedang melakukan transformasi menyediakan kerangka lebih berkesan dan lestari untuk merealisasikan gagasan Satu Malaysia, pencapaian diutamakan dan rakyat didahului!

Prof Datuk Dr Zaini Ujang ialah Naib Canselor Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan anggota Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).